



SIARAN MEDIA

KERJA-KERJA JEJAMBAT V3 BAKAL BERMULA APABILA PROJEK MRT MEMASUKI FASA PEMBINAAN AKTIF

Mudajaya Corporation Bhd akan mula melaksanakan pakej kerja Jejambat V3

Kuala Lumpur, 10 Ogos 2012: Berikutan dengan pengumuman projek MRT yang telah bergerak dari kerja-kerja persediaan kepada fasa pembinaan aktif awal bulan ini, Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa satu lagi pakej pembinaan kerja - kerja jejambat V3 MRT - akan bermula bulan ini.

Pakej jejambat V3, bernilai RM816 juta, telah dianugerahkan kepada Mudajaya Corporation Bhd pada bulan Jun 2012. Syarikat ini akan dipertanggungjawabkan dengan tugas membina jejambat laluan pandu MRT dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Dataran Sunway ke Seksyen 17, dan ia dijangka akan siap dalam sukuan pertama tahun 2016.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato 'Azhar Abdul Hamid, berkata: "Kami berasa amat gembira dengan kemajuan projek. Semuanya berjalan seperti yang dirancang. Bagi pakej V3, kami amat meyakini kebolehan Mudajaya Corporation Bhd untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Mereka memiliki pengalaman yang luas dalam kerja-kerja infrastruktur dan pernah terlibat dalam projek-projek seperti STAR LRT dan KLIA. "

Kerja-kerja jejambat V3 terbentang kira-kira 6.03km dan akan menjadi jajaran bagi tiga stesen MRT utama, iaitu stesen berhampiran The Curve, 1 Utama dan TTDI. Ketiga-tiga stesen dijangka akan berkhidmat untuk suatu kawasan yang besar bagi populasi di kawasan itu. Ini termasuk kawasan kediaman dan komersil matang di Damansara Perdana, Bandar Utama, Damansara Utama and Damansara Kim.

"Oleh kerana kawasan yang besar ini, MRT Corp dan PDP serta Mudajaya akan memberi perhatian khusus kepada kerja-kerja di sini, bagi memastikan bahawa semua gangguan yang bakal timbul daripada fasa pembinaan akan dikekalkan pada tahap minimum".

Rancangan mandatory yang dikuatkuasakan oleh MRT Corp seperti Pelan Pengurusan Trafik (TMP) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) akan dilaksanakan oleh Mudajaya Corporation Bhd. semasa fasa pembinaan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Mudajaya, En. Anto Joseph, berkata: "TMP kami telah direka dengan teliti oleh perunding trafik dan adalah selaras dengan garis panduan pihak berkuasa tempatan untuk meminimumkan kesan serta memastikan keselamatan tidak dikompromi. Pasukan Tindakan Kecemasan 24-jam juga akan hadir untuk meredakan sebarang kekhawatiran orang ramai."



"Berkenaan potensi bunyi dan pencemaran habuk daripada kerja-kerja pembinaan, Pasukan Pengurusan Alam Sekitar (EMT) akan sentiasa berada di tapak bagi memantau keadaan. Bagi mengurangkan gangguan daripada bunyi bising yang mungkin akan dijana daripada aktiviti pembinaan, waktu kerja yang tepat akan dikekalkan bermula dari jam 7 pagi hingga 6 petang sahaja. Di samping itu, penyembur air dan peralatan yang diperlukan akan digunakan bagi memantau dan mengawal tahap habuk di kawasan itu," tambah En. Anto-Joseph.

Daripada lapan pakej kerja jejambat yang ditawarkan oleh MRT Corp, tujuh telah dianugerahkan. Baki pakej, V8 (Taman Mesra - Kajang), dijangka akan diberikan pada akhir bulan Ogos 2012.

Sebanyak 85 pakej kerja telah ditender oleh MRT Corp sejak projek MRT dilancarkan. 37 telah dianugerahkan manakala 19 pakej kerja sedang dinilai dan 29 belum diumumkan. MRT Corp menjangka akan menganugerahkan kesemua baki tender sebelum akhir tahun ini.

TAMAT

Latar belakang Projek MRT

MRT merupakan sistem pengangkutan rel baru untuk Lembah Klang. Ia adalah sebahagian daripada Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), di bawah Program Transformasi Ekonomi. Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) adalah sepanjang 51kms, dari bandar utara-barat laut Sg Buloh hingga ke bandar tenggara Kajang. Apabila siap, ia akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan. Ia juga akan memiliki integrasi strategik dengan rangkaian pengangkutan rel sedia ada KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter, serta laluan bas intra dan antara bandar. Hasilnya akan memberikan keterkaitan yang lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya, di samping mengurangkan jumlah bilangan kereta yang memasuki ibu kota.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Edelman

Yoong Loong Hin (loonghin.yoong@edelman.com)/

Maureen Jeyasooriar (maureen.jeyasooriar@edelman.com)

Tel. Mobil: 016 564 5670/ 016 206 4427